

**TEKS UCAPAN
YBRS. PROF. DR AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
KURSUS PENGUKUHAN INTEGRITI BERSAMA
SPRM**

**11 SEPTEMBER 2025 | KHAMIS | 8.45 PAGI
DEWAN KULIAH 500
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM**

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYAI WAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBHI AJMAIN**

YBrs. Tuan Mohammad Izzat Mhd Noor
Selaku Penceramah dari Cawangan Pendidikan
Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah
Malaysia (SPRM) Selangor

YBrs. Profesor Ir. Ts. Dr Mohamad Hafiz Mamat
Timbalan Rektor Penyelidikan & Inovasi

YBrs. Profesor Dr Norazmir Md Nor
Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar

YBrs. Profesor Dr Mohd Hafiz Mohd Hanafiah
Timbalan Rektor Hubungan Industri, Komuniti,
Alumni & Keusahawanan (iCARE)

YBrs. Puan Alfina Bakar

Ketua Timbalan Pendaftar Kanan
Merangkap Penganjur Program

Ketua Bahagian, Ketua Unit dan peserta kursus
yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi

**Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Malaysia
Madani dan Salam UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita
panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan
izin dan rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama
berhimpun pada pagi yang penuh makna ini

dalam **Kursus Pengukuhan Integriti Bersama SPRM**.

2. Terlebih dahulu, saya merakamkan ribuan terima kasih kepada penceramah jemputan kita, **Tuan Mohammad Izzat Mhd Noor**, yang sudi meluangkan masa untuk bersama-sama warga UiTM Cawangan Selangor.
3. Kehadiran pihak SPRM pada hari ini sudah tentu memberikan nilai tambah yang amat besar dalam usaha kita membudayakan integriti di universiti ini.
4. Ucapan penghargaan juga kepada Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia (BPSM) atas inisiatif penganjuran kursus ini.
5. Saya percaya dengan kerjasama strategik bersama SPRM, nilai-nilai murni seperti amanah,

telus dan bertanggungjawab akan terus diperkukuh, seterusnya melahirkan warga UiTM Cawangan Selangor yang berintegriti tinggi serta berdaya saing di peringkat nasional dan global.

6. Saya melihat kursus pada hari ini amat bertepatan dengan amanat Naib Canselor Tahun 2025 yang menekankan kepentingan pengukuhan nilai integriti dan tadbir urus cemerlang dalam ekosistem UiTM.

7. Malah, ia turut didaftarkan sebagai **PI Khas Rektor** dalam Bengkel Perancangan Strategik UCS 2025, sekali gus membuktikan komitmen kita untuk menjadikan integriti sebagai teras utama budaya kerja.

8. Saya difahamkan bahawa objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan kesedaran warga staf mengenai kepentingan integriti dalam

melaksanakan tugas, membudayakan amalan kerja yang berakuntabiliti, serta membantu mengenal pasti bentuk-bentuk salah laku dan etika kerja yang bertentangan dengan undang-undang.

9. Saya percaya, dengan perkongsian daripada pihak SPRM, para peserta akan memperoleh ilmu dan kefahaman yang lebih mendalam mengenai isu-isu integriti, rasuah, dan salah guna kuasa.

10. Impaknya, kita berharap budaya kerja berintegriti dan anti rasuah akan terus subur dan menjadi amalan harian setiap warga UCS.

11. Sebelum saya akhiri ucapan ini, ingin saya tegaskan bahawa **integriti bukan sekadar slogan**, tetapi ia adalah asas kepada

kepercayaan, keberkesanan, dan keberkatan dalam setiap urusan yang kita laksanakan.

12. Akhir kata, marilah kita bersama-sama menjadikan integriti sebagai budaya kerja yang konsisten, agar UCS terus unggul sebagai organisasi yang bersih, telus dan berwibawa.

Di pagi hari menimba ilmu,
Ilmu dicari bekalan berharga;
Jangan biar kuasa disalah laku,
Amanah dijaga warga sejahtera.

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**